

Cuba samakan dengan pentadbiran Marcos

PM bidas

kempen kotor pembangkang

KOTA KINABALU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas parti-parti pembangkang dan golongan tertentu yang cuba menggambarkan kerajaan sekarang sama dengan pemerintahan Marcos yang baru dijatuhkan.

Katanya, mereka cuba menggunakan kuasa rakyat untuk menjatuhkan kerajaan dengan menyebarkan fitnah, risalah, pelbagai cara yang kotor dan tidak berasas sebagai usaha mengurangkan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional.

"Negara ini bukan Filipina di bawah pemerintahan Marcos, dan mereka boleh cuba membentuk Marcos kesayangan mereka jika mereka mahu," katanya ketika merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu berharga \$56 juta di sini petang ini.

Sifat tamak

Perdana Menteri bagaimanapun yakin usaha golongan itu dan parti pembangkang tidak akan berjaya kerana rakyat tidak mudah terpengaruh dengan hasutan mereka memandangkan kestabilan dan keharmonian politik, ekonomi dan sosial yang telah diwujudkan oleh kerajaan.

Beliau selanjutnya berkata keharmonian di negara ini akan terjejas sekiranya ada golongan yang tamakkan kuasa dan suka memburuk-burukkan pucuk pimpinan negara.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak harus lupa sejarah pada tahun 1969 kerana sifat tamak beberapa kumpulan yang mengapi-apikan perkauman hingga mencetuskan rusuhan."

Katanya, kerajaan mempelajari daripada pengalaman itu untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu supaya sejarah tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, kerajaan memerlukan so-

kongan jitu setiap rakyat di negara ini untuk menentukan corak pemerintahan dengan memberikan sokongan dua pertiga suara kepada kerajaan dalam pilihanraya nanti.

Perdana Menteri berkata, kemenangan itu perlu untuk membolehkan kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang telah disusun untuk faedah rakyat di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menghargai kemenangan dua pertiga Parti Bersatu Sabah (PBS) kerana keyakinan yang diberikan oleh rakyat Sabah dan ini bermakna tidak lagi dicabar oleh mana-mana pihak.

Beliau juga membidas segolongan yang hanya pandai bercakap mengenai kelemahan pengurusan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan tetapi tidak memberi cara-cara mengatasinya.

"Golongan ini hanya pandai bercakap sahaja tapi tidak memikirkan nasib 200,000 pekerja yang terbabit dalam syarikat-syarikat milik kerajaan yang ditutup," katanya.

Mengenai bangunan terminal itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bangunan yang serba lengkap tidak bererti sekiranya pengguna tidak tahu menghargai kemudahan yang disediakan.

Menyentuh tambang pengangkutan udara dan Feri Malaysia yang akan dilancarkan akhir bulan depan, beliau berkata, Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji semula kadar tambang yang dikatakan terlalu tinggi.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata lawatan Perdana Menteri ke negeri ini melambangkan persefahaman yang lebih erat antara pemimpin dari Semenanjung dengan pemimpin dan rakyat di Sabah.

"Sebagai sebahagian dari Malaysia, kami di Sabah merasakan amat perlu bagi kita mempunyai hubungan yang erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan supaya tidak wujud sebarang konflik," ujarnya.